



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Bajet 2019: Beri Perhatian Tekanan Hidup Rakyat

Utusan Malaysia - Bajet 2019: Beri Perhatian Tekanan Hidup Rakyat

Isnin, Okt 29 2018



Termasuk berkenaan harga getah, sawit

Bajet 2019: Beri perhatian tekanan hidup rakyat

Utusan Malaysia 29/10/18

Oleh MUHAMMAD HASIF IDRIS
pengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 28 OKT.

TEKANAN kos sara hidup terutama rakyat di kawasan luar bandar yang terjejas akibat kejatuhan harga getah dan kelapa sawit akan diberikan perhatian oleh kerajaan dalam pembentangan Bajet 2019 Jumaat ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Senator Dr. Mohd. Radzi Md. Jidin mengakui pihaknya mendengar rungutan daripada rakyat walaupun 'kurang jelas' mengenai kos sara

hidup yang dihadapi mereka.

Beliau berkata, kerajaan menyedari keadaan tersebut dan langkah-langkah yang diambil bakal dibentangkan dalam bajet di Dewan Rakyat nanti.

"Secara umumnya, tidak begitu jelas pada saya pasal rungutan tetapi kita masih dengar tekanan dan kos sara hidup tinggi utamanya di Kelantan, harga getah dan kelapa sawit jatuh.

"Ini perkara yang rakyat rasa tertekan, sebagaimana sedia



MOHD. RADZI MD. JIDIN

maklum, harga ini sentiasa berubah.

Pada masa ini harga berada pada tahap rendah mungkin penyebab rakyat rasakan terutamanya di Kelantan apatah lagi nak masuk musim tengkujuh, hendak menoreh tidak boleh, kerajaan sedar perkara itu, jadi tunggu Bajet 2019," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan Majlis Perjumpaan Khas bersama Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan ne-

ri di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Bandar Baru Tunjong di sini hari ini.

Utusan Malaysia semalam melaporkan keluhan beberapa peneroka mengenai pendapatan mereka yang kini tidak sampai RM900 sebulan akibat kejatuhan harga komoditi sawit sejak beberapa bulan lalu.

Dalam pada itu, Mohd. Radzi meminta orang ramai supaya menyampaikan aduan atau rungutan mengenai kos sara hidup atau kenaikan harga barang secara terus kepada kementerian yang terlibat agar langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut dapat diambil.





- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

